

06/03/2000

15 lagi bahagian Umno calonkan Dr M, Pak Lah (HL)

man; Idris Sulaiman; Muhd Yusuf Abu Bakar; Mahadi Ahmad
KUALA LUMPUR, Ahad - Semua 15 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengekalkan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian berkenaan ialah Cheras di Wilayah Persekutuan; Ledang, Segamat, Senai, Sungai Benut dan Tenggara (Johor), Papar, Penampang, Sipitang dan Bandau (Sabah), Batu Berendam (Melaka), Gerik dan Batu Gajah (Perak) serta Tasek Gelugor dan Jelutong (Pulau Pinang).

Dengan pencalonan terbaru itu, bermakna Dr Mahathir dan Abdullah sudah memperolehi 16 pencalonan.

Khamis lalu, Umno Tawau yang menjadi bahagian pertama mengadakan mesyuarat perwakilan, turut mencalonkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagi jawatan berkenaan.

Bagi jawatan Naib Presiden, penyandangannya, Datuk Seri Najib Tun Razak mendahului senarai apabila memperolehi 15 pencalonan hari ini, diikuti Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman 12 pencalonan dari bahagian Sungai Benut, Segamat, Ledang, Senai, Tenggara, Grik, Batu Gajah, Papar, Sipitang, Batu Berendam, Tasek Gelugor dan Jelutong.

Datuk Seri Osu Sukam yang sebelum ini mendapat satu pencalonan dari bahagian Tawau, hari ini menerima enam pencalonan (Tenggara, Senai, Papar, Penampang, Sipitang dan Bandau) manakala Tan Sri Mohd Isa Samad menambah tiga lagi pencalonan (Segamat, Bandau dan Batu Gajah).

Dengan itu, Osu menduduki senarai ketiga terbanyak dengan tujuh pencalonan manakala Isa mendapat empat pencalonan termasuk satu dari Tawau sebelum ini.

Datuk Syed Hamid Albar mendapat tiga pencalonan hari ini dari bahagian Cheras, Penampang dan Jelutong, Datuk Seri Abu Hassan Omar juga mendapat tiga pencalonan (Ledang, Batu Berendam dan Tasek Gelugor) manakala Datuk Dr Rais Yatim dua pencalonan (Cheras dan Sungai Benut).

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, mendapat pencalonan pertama bagi jawatan Naib Presiden menerusi Umno bahagian Gerik.

Cubaan satu cawangan dalam Umno bahagian Sungai Benut, Johor, mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Presiden dan satu lagi cawangan mencalonkannya untuk Timbalan Presiden, bagaimanapun gagal.

Pengundian yang dijalankan secara angkat tangan menyaksikan Tengku Razaleigh hanya mendapat enam undi bagi jawatan Presiden dan tujuh undi bagi Timbalan Presiden.

Perwakilan Tasek Gelugor di Pulau Pinang juga mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding jawatan Naib Presiden, tetapi hanya mendapat sokongan kecil.

Satu lagi bahagian, iaitu Umno Bahagian Sungai Siput di Perak, yang sepatutnya bermesyuarat hari ini, menangguhkan persidangan kepada 19 Mac.

Dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein terus mendahului apabila menerima lapan lagi pencalonan hari ini, menjadikan 24 pencalonan diterimanya setakat ini.

Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir pula mendapat 21 pencalonan untuk jawatan Naib Ketua, termasuk tujuh yang diterima hari ini.

Pencabar terdekat Abdul Aziz, Zein Isma Ismail mendapat dua pencalonan setakat ini dan Mustafa Khalid (satu).

Bagi jawatan Ketua Wanita, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, jauh meninggalkan penyandang jawatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Rafidah kini mendapat 15 pencalonan, termasuk empat hari ini manakala Siti Zaharah yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hanya memperolehi lapan pencalonan termasuk satu hari ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, turut memperolehi 15 pencalonan untuk jawatan Naib Ketua. Penyandang jawatan, Datuk Napsiah Omar pula memperolehi tiga pencalonan manakala Ketua Wanita Perak, Ainin Khariyah Mohd Abas mendapat lima pencalonan.

(END)